

RBT T2 - Penyelesaian Masalah Secara Inventif

Total questions: 10

Worksheet time: 7mins

Name Class Date

1. Antara berikut, yang manakah masalah bukan inventif?

- | | |
|---|---|
| a) Gergaji tumpul | b) Kaki meja kecil tidak dapat menampung berat |
| c) Cawan kopi sukar dipegang kerana cawan panas | d) Penutup balang kuih tidak ketat menyebabkan biskut lemau |

2. Apakah yang perlu dilakukan sekiranya masalah bukan inventif tidak dapat diselesaikan?

- | | |
|---|---|
| a) Mengabaikan masalah tersebut | b) Merujuk kembali kepada model penyelesaian |
| c) Menggunakan pilihan yang disarankan dalam prinsip inventif | d) Rujuk semula pilihan dan jalan penyelesaian yang ada untuk menyelesaikan masalah |

3.




Apakah komponen yang terdapat pada produk tersebut?

- | | |
|-----------------|---------------------|
| a) Manusia | b) Kaki kerusi |
| c) Tempat duduk | d) Penyandar kerusi |

4. Apakah maksud masalah inventif?
- | | |
|---|--|
| a) Masalah yang tiada jalan penyelesaian | b) Masalah yang perlu diselesaikan dalam masa yang singkat |
| c) Masalah yang tidak mempunyai kesan sampingan setelah penambahbaikan dibuat | d) Masalah yang mempunyai kesan sampingan setelah usaha penambahbaikan |
5. Pernyataan yang manakah merupakan masalah bukan inventif?
- | | |
|---|--|
| a) Setelah Aimie menambah perisa makanan, mi goreng tersebut menjadi masin | b) Fadlee mudah membawa barang-barang yang dibeli di pasar setelah memasang bakul di motorsikalnya |
| c) Hadhari telah menukar tapak kasut bola dengan tapak kasut biasa dan menyebabkan kasutnya menjadi berat | d) Encik Willsteroy telah menukarkan enjin keretanya kepada enjin turbo untuk meningkatkan kuasa enjin tetapi mengakibatkan keretanya mudah hilang kawalan serta membazirkan bahan api |
6. Antara berikut, manakah percanggahan fizikal yang betul?
- | | |
|--------------------|----------------------|
| a) Panas dan sejuk | b) Terang dan kecil |
| c) Besar dan berat | d) Tinggi dan rendah |
7. "Rafael mahu baju yang panas pada cuaca yang sejuk dan baju sejuk ketika cuaca panas" Apakah unit parameter yang sesuai untuk percanggahan tersebut?
- | | |
|--------------|-------------|
| a) Saiz | b) Suhu |
| c) Timbangan | d) Kelajuan |

8.



Rajah menunjukkan bahagian cawan yang diisi dengan air kopi dan model fungsi bagi cawan tersebut. Apakah komponen yang sesuai untuk X?

- a) Tapak
b) Air kopi
c) Tangkai
d) Badan cawan

9. Beg udara dalam kereta digunakan untuk mengurangi risiko kecederaan ketika kemalangan. Apakah prinsip inventif yang berkaitan dengan produk itu?

- a) Pengantara b) Tindakan awal
c) Kualiti setempat d) Pengembangan terma

10. Antara yang berikut, yang manakah adalah contoh parameter bagi percanggahan fizikal?

- a) Saiz b) Beban
c) Keluasan d) Kekuatan